

25/07/2004

300 pemandu berentap

By Zairee Zahir

DENGAN himpunan lebih 300 pemandu daripada 100 pasukan dan 1,000 tenaga mekanik dan krew, perlumbaan tahan lasak 12 jam edisi keempat Merdeka Millenium 2004 (MME) di Litar Sepang, 26-28 Ogos ini dijangka mencapai tahap terbaik.

Pengerusi Sepang International Circuit (SIC), Datuk Mokhzani Tun Dr Mahathir berkata, kualiti perlumbaan musim ini juga dijangka meningkat berdasarkan kehadiran ramai pemandu handalan dunia yang berpengalaman bersaing dalam kejuaraan GT Jeun, Formula BMW, Formula Asia, Formula Nippon, Touring Car Asia, British Touring Car, Kejuaraan Australia Touring dan Formula Satu.

Dalam ucapannya yang dibacakan Pengurus Besar SIC, Ahmad Musafa, beliau berkata, penyertaan akhir bagaimanapun terpaksa ditetapkan kepada 77 pasukan mengikut syarat pertandingan yang diluluskan Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA).

"Sekali gus ia menjadi perlumbaan terbesar di Malaysia dan rantau Asia. Dan sebagai promoter dan penganjur acara ini, SIC berbangga dengan kejayaan cemerlang yang dicatat MME biarpun baru mencecah usia empat tahun," katanya dalam teks ucapan ketika pelancaran tidak rasmi MME 2004 di Litar Sepang, semalam.

Setakat ini, katanya, SIC sudah menerima lebih 50 penyertaan bagi empat kategori perlumbaan yang ditetapkan iaitu Terbuka (O) bagi kereta yang diubah suai, Kelas A bagi kereta 1901cc ke atas, Kelas B bagi kereta antara 1601cc -1900cc dan Kelas C bagi kapasiti enjin 1600cc ke bawah.

Apa yang membuatkan perlumbaan MME kali ini lebih menarik ialah kesediaan trio pasukan juara bertahan dari pasukan GI Meritus Racing, Firhat Mokhzani, Eric Yeo dan Chin Tzer Jinn yang akan berdepan pasukan bekas juara Naza Racing yang tampil dengan tiga pemandu berpengalaman dari Jerman, Thomas Muhlentz, Marc Basseng dan Vanessa Engelhardt.

Berbeza dengan tahun-tahun lepas, perlumbaan kali ini akan diadakan bermula dengan sesi latihan pada hari Khamis (26 Ogos), sesi kelayakan pada hari Jumaat dan perlumbaan sebenar pada 10 pagi hingga 12 tengah malam pada keesokan harinya.

"Acara pada malam dan hari Merdeka tidak diadakan bertujuan memberi peluang kepada peminat tempatan menyertai dan merasai kemeriahan MME ini kerana sebelum ini, ramai yang terlepas peluang kerana terpaksa bertugas untuk pelbagai acara yang diadakan," katanya.

(END)